

18/08/2001

Negara Islam wajar bersatu jika mahu berkuasa

SEJARAH mengungkapkan ketika Islam datang ke Tanah Arab, masyarakatnya ketika itu berpecah-belah dengan kesetiaan fanatik kepada puak masing-masing. Daripada masyarakat yang tidak pernah aman dan kekal paling mundur, Islam menyatukan mereka hingga menjadikan mereka orang yang paling berkuasa serta berupaya menyebarkan syiar Islam ke merata dunia. Dalam proses itu, sebuah empayar besar dan tamadun Islam terbina. Empayar Islam ketika itu adalah kuasa besar dunia hingga umat Islam dilayan penuh hormat di mana-mana.

Berbekalkan penguasaan ilmu, umat Islam dahulu mengambil alih sains, matematik dan kesenian tamadun terdahulu. Mereka memaju dan memperluaskannya sehingga tamadun Islam menjadi yang paling terpelajar, berilmu, maju dan paling berkuasa. Penyelidikan dalam perubatan meletakkan umat Islam jauh mengatasi orang lain dalam bidang berkenaan. Tamadun yang dibina umat Islam bertahan untuk beberapa abad dan adalah yang paling gemilang dalam sejarah manusia.

Malangnya, proses Islamisasi dunia terhenti kerana umat Islam kembali berbalah dan berperang sesama sendiri, membentuk pemerintahan kecil, menolak kesetiaan kepada Islam dan lebih cenderung untuk setia kepada pemimpin setempat. Akibatnya, tentera Islam semakin lemah dan wilayah mereka jatuh ke tangan musuh satu demi satu. Orang Sepanyol menawan semula Sepanyol dan menyingkirkan umat Islam ke Afrika. Di Eropah Timur, Empayar Uthmaniah melalui proses sama.

Sejarah sudah berulang kali membuktikan umat Islam seolah-olah tidak pernah belajar. Kerana itu, mereka sentiasa menanggung akibat daripada kesilapan sama. Iktibar yang harus dipelajari daripada sejarah umat Islam dan Empayar Islam amat banyak. Paling utama, persaudaraan Islam adalah rukun untuk survival dan kejayaan. Malangnya, umat Islam hari ini jauh daripada bersaudara, malah lebih berpecah-belah daripada masa lalu. Banyak negara Islam berperang sesama sendiri. Pilihan yang ada ialah sama ada meneruskan persaingan remeh sesama sendiri atau bersama-sama mendepani ancaman sebenar kepada Islam.

Tanpa umat Islam bersatu-padu, Israel dengan angkuh menyerang dan membunuh rakyat Palestin sebagai satu serangan terhadap maruah dan kehormatan umat Islam. Adalah menyedihkan kerana negara Islam yang mewakili lebih satu pertiga keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak pun berdaya memberi bantuan. Kebanyakan negara Islam turut ditekan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang menguasai kewangan beberapa negara Islam. Negara Islam menguasai kebanyakan sumber asli dunia, tetapi pada umumnya umat Islam masih dihimpit kemiskinan dan terperangkap dalam perbalahan sesama sendiri.

Sebagaimana disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap kepada ahli Majlis Syura Yemen di Sana'a kelmarin, umat Islam akan sentiasa ditindas jika tiada satu kuasa besar dunia daripada kalangan negara Islam sendiri. Setidak-tidaknya, kata Perdana Menteri, negara Islam hendaklah mengelakkan pertelingkahan serta bersatu bagi mengimbangi apa juga tindakan daripada kuasa besar lain. Kuncinya ialah pembangunan kerana tanpanya, keamanan tidak akan diperoleh dan begitulah sebaliknya kerana kedua-duanya saling berkait. Sejarah masa lalu menunjukkan masyarakat Islam amat berkuasa dan maju jika bersatu-padu. Dengan perkembangan dunia hari ini yang menyaksikan negara Islam berdepan pelbagai ancaman, itulah saja satu-satunya pilihan yang ada.

(END)